

31/03/2002

Pemimpin Umno didakwa masuk perangkap Amerika

ALOR STAR: Pas menuduh pemimpin Umno terperangkap dalam jerangkap Amerika Syarikat kerana menggolongkan ulama kepada dua, iaitu ulama politik dan ulama bukan politik.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor mendakwa, pemimpin Umno khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terjatut berikutan melakukan tindakan apa yang didakwa Fadzil sebagai mengutuk ulama apabila Perdana Menteri membahagikan ulama kepada ulama politik dengan yang bukan politik.

Ini kerana, katanya, dalam sejarah peradaban Islam, ulama tidak pernah dibahagikan sedemikian berikutan dalam Islam, segala aspek berkaitan penghidupan manusia, termasuk politik adalah aspek yang diperjuangkan ulama.

Fadzil berkata, Islam membahagikan ulama kepada dua, iaitu ulama akhirat atau ulama hakiki dengan ulama dunia atau ulama 'suk' (jahat).

Beliau berkata, ulama akhirat adalah mereka yang berjuang menegakkan kebenaran, termasuk daripada aspek syariat, akidah, politik, ekonomi, pendidikan dan penyelewengan yang dilakukan pemerintah.

Ulama jahat pula, katanya, adalah mereka yang hanya sanggup memperkatakan mengenai haid dan nifas serta takut untuk memperkatakan perkara benar, termasuk penyelewengan yang dilakukan pemerintah.

"Ulama yang menyembunyikan kebenaran, nak pertahankan habuan di dunia, dipanggil ulama jahat. Tak mahu menyatakan yang hak, menegur pemerintah, penyelewengan pemerintah. Ulama yang hanya bercakap mengenai haid dan nifas, tak bersedia bercakap penyelewengan pemerintah.

"Yang membahagikan ulama politik dengan yang bukan politik, ini kerja Amerika Syarikat kerana dia mahu Islam yang tak kritik dasar Amerika. Islam yang boleh menerima segala apa yang dibawa Barat.

"Islam yang tak menentang kemaksiatan. Jika ada Islam yang menentang perkara ini, ini dipanggilnya Islam politik.

"Dr Mahathir terperangkap dalam jerat Amerika Syarikat kerana ketika beliau bercakap dalam Forum Ekonomi Antarabangsa baru-baru ini, dia menghentam ulama," katanya ketika berceramah di Markas Pas, Kampung Tok Sibil, Jalan Datuk Kumbang, dekat sini, malam semalam.

(END)